



**PNB**  
Permodalan Nasional Berhad



**BANK ISLAM**

# PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO PENDEK

## KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI)

UNTUK PENUNTUT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) 2023

ANJURAN

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

TARIKH TUTUP  
PENYERTAAN

# 31

## JULAI 2023

Hadiah  
PERTAMA



### RM 15,000

Beserta sijil penyertaan dan Trofi

Hadiah  
KEDUA



### RM 10,000

Beserta sijil penyertaan dan Trofi

Hadiah  
KETIGA



### RM 5,000

Beserta sijil penyertaan dan Trofi

5 hadiah saguhati yang bernilai RM1,000  
setiap satu beserta sijil penyertaan

### Tema - tema yang dipertandingkan

- ◆ Kewajipan solat dan larangan meninggalkan solat
- ◆ Belajar dan menuntut ilmu
- ◆ Bersyukur
- ◆ Menjaga masa
- ◆ Hormat ibu bapa
- ◆ Kebersihan alam sekitar
- ◆ Berkata benar
- ◆ Adil
- ◆ Ihsan
- ◆ Rajin
- ◆ Nilai-nilai kekeluargaan yang baik
- ◆ Amanah
- ◆ Berjimat-cermat



Sila daftar di sini

Unit Program & Latihan



03 - 6204 6323/ 320/ 012-4219880 (Nurul) / 019-3334253 (Zawiah)



03 - 6204 6201



vipki2023@ikim.gov.my

## PENGENALAN

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan sukacitanya mengumumkan penganjuran Pertandingan Merekacipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) Untuk Penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2023. Para penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berminat adalah dipelawa untuk menghantarkan karya mereka mengikut tema serta syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## OBJEKTIF

- ◆ Menggalakkan penghasilan video pendek kefahaman Islam bagi membina minda Islami dalam kalangan masyarakat;
- ◆ Menggalakkan penghasilan video pendek yang dapat mendidik dan menanamkan nilai-nilai sejagat kepada khalayak;
- ◆ Menambahkan koleksi video pendek seumpama ini untuk tatapan khalayak; dan,
- ◆ Mencungkil potensi video pendek sebagai medium untuk memberi kefahaman Islam kepada masyarakat Malaysia khususnya, dan masyarakat global, amnya.

## SYARAT- SYARAT

- (1) Video pendek hendaklah berdurasi tidak lebih dari 5 minit atau 300 saat sahaja;
- (2) Format video adalah mov atau mp4 dengan resolusi 1920x1080 (full HD);
- (3) Pertandingan ini terbuka kepada semua penuntut IPTA dan IPTS di Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama yang sedang mengambil kursus di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah;
- (4) IPT yang terlibat termasuklah Pra-U (Kolej Tingkatan 6, Matrikulasi dan Asasi), Kolej Komuniti, Institut Kemahiran, Politeknik, Institut Pendidikan Guru dan Universiti;
- (5) Penyertaan terbuka secara individu atau berkumpulan;
- (6) Bagi yang menyertai secara berkumpulan, jumlah maksimum ahli kumpulan mestilah empat orang termasuk Ketua Kumpulan. Penyertaan ahli bukan Islam dalam kumpulan tersebut amatlah digalakkan;
- (7) Setiap peserta atau kumpulan hanya layak menghantar satu (1) video pendek sahaja;
- (8) Karya hendaklah dihasilkan dalam **Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu)**;
- (9) Karya yang dihasilkan untuk pertandingan ini mestilah karya asli, bukan terjemahan, saduran atau penyesuaian daripada video pendek lain, belum pernah diterbitkan atau apa sahaja pengertian yang boleh menyebabkan karya tersebut bukan merupakan karya asli. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya karya yang dikemukakan tidak asli atau diciplak;
- (10) Video pendek yang dikemukakan mestilah yang dicipta khusus untuk pertandingan ini dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan, sama ada di peringkat kebangsaan, mahupun antarabangsa;

## SYARAT- SYARAT

- (11) Video pendek yang dipertandingkan tidak boleh digunakan untuk tujuan penyiaran lain sebelum keputusan peraduan diumumkan;
- (12) Karya hendaklah dalam keadaan bersih. Hanya judul sahaja diletakkan di dalam video pendek tersebut. Nama atau nama samaran atau apa-apa jua nama yang boleh dikaitkan dengan nama pencipta video pendek itu dan IPT yang diwakilinya tidak boleh tertera pada video tersebut;
- (13) Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video pendek ini;
- (14) Peserta yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di atas akan dibatalkan penyertaannya;
- (15) Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos atau kerugian yang ditanggung oleh peserta;
- (16) Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang rasmi yang boleh didapati daripada Urusetia atau dari laman web IKIM: **[www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my)**;
- (17) Pegawai dan kakitangan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta ahli keluarga terdekat mereka, tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini;
- (18) Penyertaan hendaklah die-melkan kepada: **[vipki2023@ikim.gov.my](mailto:vipki2023@ikim.gov.my)**;
- (19) Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Hajah Siti Fatimah Abdul Rahman (E-mel: **[siti@ikim.gov.my](mailto:siti@ikim.gov.my)** atau **[vipki2023@ikim.gov.my](mailto:vipki2023@ikim.gov.my)**, Tel: **03-62046226**);
- (20) Tempoh pertandingan adalah enam (6) bulan. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 Julai 2023**. Keputusan peraduan akan diumumkan pada November 2023;

## SYARAT- SYARAT

- (21) Setiap penyertaan akan melalui saringan Jawatankuasa Teknikal yang akan memastikan segala syarat yang ditetapkan dipatuhi. Jawatankuasa Teknikal boleh membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- (22) Penyertaan yang melepasi saringan Jawatankuasa Teknikal akan disenaraipendekkan oleh Jawatankuasa Penilai Dalaman yang terdiri dari wakil Pusat Akademik/ Bahagian dan Ketua Unit. Jawatankuasa Penilai Dalaman ini akan menyenaraipendekkan 30 penyertaan untuk masuk ke Pusingan Akhir;
- (23) Penyertaan yang disenaraipendekkan akan dihakimi oleh Panel Penilai yang dilantik oleh IKIM dan keputusan Panel Penilai adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan;
- (24) Pemenang akan dihubungi melalui telefon dan e-mel; dan,
- (25) Lapan (8) karya yang menang akan menjadi hakmilik IKIM dan IKIM berhak untuk menerbit, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin karya tersebut baik di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk apa-apa tujuan yang wajar serta pada kekerapan yang difikirkan patut. IKIM akan memberi kredit kepada pengkarya yang video pendeknya ditayangkan.

**BORANG PENYERTAAN**

**NO. RUJUKAN :**

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI)  
UNTUK PENUNTUT IPT 2023  
ANJURAN  
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

Bersama-sama ini disertakan karya saya/kami\* berjudul:

.....

**Tema (Sila bulatkan satu tema sahaja)**

1.	Kewajipan solat dan larangan meninggalkan solat	6.	Kebersihan alam sekitar	11.	Nilai-nilai kekeluargaan yang baik
2.	Belajar dan menuntut ilmu	7.	Berkata benar	12.	Amanah
3.	Bersyukur	8.	Adil	13.	Berjimat cermat
4.	Menjaga masa	9.	Ihsan		
5.	Hormat ibu bapa	10.	Rajin		

Keterangan peserta: Individu/Berkumpulan\*

	Nama penuh	No. Kad Pengenalan	No. Telefon	E-mel	Nama IPTA/IPTS
1.					
2.					
3.					
4.					

Dengan ini saya mengesahkan bahawa video pendek ini adalah karya asli saya/kami sendiri dan ianya memenuhi syarat-syarat pertandingan.

Tandatangan: .....

Tarikh: .....

\*Potong mana yang tidak berkenaan

\*\*Bagi yang berkumpul, letakkan nama Ketua Kumpulan di baris pertama

\*\*\*Bagi yang berkumpul, Borang Penyertaan hendaklah diisi oleh Ketua Kumpulan

**TARIKH TUTUP  
PENYERTAAN**

**31**

**JULAI 2023**

Sila e-mel video pendek tersebut ke  
[vipki2023@ikim.gov.my](mailto:vipki2023@ikim.gov.my)